



كمتنرين كبودايان، بليادان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

مسابقة تلاوة القرآن بين المكتبات

MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN
1446H/2025M

PERINGKAT AKHIR

Hari Khamis
23 Zulhijjah 1446 / 19 Jun 2025

Dewan Digadong
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Bandar Seri Begawan



مِسَابَقَةِ تِلَاوَةِ الْقُرْآنِ بِلِيَّا كِبِيجِيَّانَ

MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN
1446H/2025M

PERINGKAT AKHIR



Isi Kandungan

- 4 Mesej Yang Berhormat
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
- 6 Kata Alu-Aluan
Pengarah Belia dan Sukan
- 9 Atur Cara Majlis
- 12 Latar Belakang
- 16 Ristaan Peringkat Saringan dan Separuh Akhir
- 24 Biodata Qari

- 30 Biodata Qariah
- 40 Jawatankuasa Jemaah Hakim
- 41 Senarai Maqra
- 42 Johan Qari & Qariah dari Tahun 1995 -2023
- 44 Ristaan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2024
- 46 Piala Pusingan

Mesej



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّكَاتُهُ

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam serta keluarga dan para sahabat Baginda sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga, kita dapat berhimpun dalam majlis yang penuh keberkatan ini – Majlis Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan bagi Tahun 1446H/2025M Peringkat Akhir.

Majlis yang penuh barakah ini diadakan dalam suasana penghayatan ibadah yang masih segar pasca sambutan Hari Raya Aidiladha, dan bertepatan pula dengan detik kita bersiap menyambut tahun baharu Hijrah yang akan tiba tidak lama lagi.

Musabaqah ini sangat signifikan dalam usaha membudayakan pembacaan, pemahaman dan penghayatan al-Quran dalam kalangan belia Brunei, sejajar dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam untuk menjadi sebuah Negara Zikir dan mencapai visi 'Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur'.

Lebih daripada sebuah pertandingan tilawah, Musabaqah ini merupakan wadah penting dalam membentuk generasi belia yang beriman, berakhlik mulia, serta mampu menjadi pemimpin masyarakat yang unggul. Inisiatif ini juga selari dengan usaha menjayakan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020–2035, yang menekankan pembangunan belia secara holistik dari sudut akal, jasmani dan rohani, berpaksikan prinsip Melayu Islam Beraja dan Maqasid Syariah.

Tahun ini juga sangat bermakna kerana kita bakal menyambut Hari Belia Kebangsaan ke-20, iaitu pada 1 Ogos 2025, dan ini menandakan dua dekad usaha berterusan dalam memperkasa belia sebagai tonggak masa depan negara. Lebih menggembirakan, Musabaqah kali ini mencatat penyertaan tertinggi, iaitu seramai 93 orang peserta, termasuk 41 peserta baharu. Ini satu pencapaian yang amat membanggakan dan menggambarkan peningkatan minat serta kecintaan belia terhadap Al-Quran.

Saya juga ingin memekankan bahawa Musabaqah ini terbuka kepada semua belia, tanpa mengira latar belakang akademik mahupun bidang pengajian. Al-Quran adalah petunjuk hidup sejagat, dan belia yang cemerlang ialah mereka yang menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup – bukan sekadar untuk dibaca dan dilakukan, tetapi juga untuk dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua peserta, para pengajar, dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Musabaqah ini. Semoga usaha murni ini terus menyuburkan kecintaan terhadap al-Quran dan memperkasa belia kita sebagai generasi masa hadapan yang beriman, berilmu dan beramal.

Amin Ya Rabbal Alamin.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat
Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Kata Alu-Aluan



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السُّلْطَانِ الْمُعْظِلِ وَرَحْمَةِ اللَّهِ فَقِيرَاتِي

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, puji syukur kehadiran Allah SWT atas segala nikmat dan anugerah-Nya yang tidak terhingga. Selawat serta salam sentiasa tercurah kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta keluarga dan para sahabatnya yang mulia.

Alhamdulillah, dengan penuh kesyukuran, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah meneruskan usaha mengungkayahkan anjuran tahunan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan bagi tahun 1446H / 2025M. Musabaqah mula diadakan sejak tahun 1980-an dan terus menjadi acara tahunan penting dalam memartabatkan pembacaan Al-Quran secara bertarannum di kalangan belia negara.

Pada Musabaqah tahun ini, seramai 93 peserta telah mendaftar. Dari jumlah tersebut, 63 orang telah bersaing di peringkat saringan. Seramai 30 peserta kemudiannya berjaya melangkah ke peringkat separuh akhir, terdiri daripada 22 peserta dari saringan dan lapan finalis Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1445H / 2024M yang diserap masuk secara langsung. Seramai lapan peserta terbaik telah melayakkan diri ke peringkat akhir, bersama dua johan menunggu, menjadikan sepuluh finalis keseluruhan. Sebagai persiapan, semua peserta telah mengikuti Bengkel Kemahiran Ilmu Al-Quran (K.I.A.) bagi meningkatkan mutu penyampaian dan penyalarasian penilaian.

Sebagai tanda penghargaan atas kegigihan mereka, para pemenang bukan sahaja menerima hadiah wang tunai, piala irigan, dan sijil penyertaan, malah turut diberikan insentif berbentuk wang tunai dan akaun Simpanan Persaraan yang bernilai daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) serta anak-anak syarikatnya. Lebih istimewa lagi, mereka juga berpeluang untuk mewakili negara ke Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh pihak yang telah berganding bahu menjayakan musabaqah ini. Ini termasuklah Jawatankuasa Jemaah Hakim, Ahli Jawatankuasa Kerja yang berdedikasi, para sukarelawan, serta setiap individu yang telah memberikan sumbangan dan bantuan. Semoga setiap usaha yang dicurahkan ini diberkati Allah SWT, dan menjadi amal jariah yang meraih ganjaran pahala yang setimpal di sisi-Nya.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua peserta yang telah menyertai dan berjaya, khususnya kepada para finalis yang telah terpilih ke peringkat akhir. Semoga Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan ini akan terus menjadi wadah berharga dalam melahirkan generasi muda yang bukan sahaja mahir membaca Al-Quran, bahkan sentiasa cintakan kitab suci dan agama. Wassalam

Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim

Pengarah Belia dan Sukan

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1446H/2025M

Negara Brunei Darussalam



مسابقة تلاوة القرآن بليما يعنى

MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN
1446H/2025M

PERINGKAT AKHIR

Atur Cara Majlis

- 7.00 malam : Ahli Jawatankuasa dan Para Peserta hadir
- 7.30 malam : Para Jemputan hadir
- 8.00 malam : Tetamu Kehormat hadir
Yang Berhormat
Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
- : Acara dimulakan
- : Bacaan Surah Al-Fatihah
Yang Mulia Awang Abdul Mujib bin Awang Sh'minan
Peserta Belia Program Journey to The Holy Site for
Arabic and Islamic Countries Youth di Arab Saudi
- : Ucapan Alu-Aluan oleh Pengerusi Majlis
Yang Mulia Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim
Pengarah Belia dan Sukan
- : Ucapan Tetamu Kehormat
Yang Berhormat
Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
- : Musabaqah Tilawatil Quran dimulakan
- : Persembahan Belia
Kumpulan Tausyeh Dhafwatul 'Aisy
- : Pengumuman Keputusan oleh Pengerusi Jemaah Hakim
Yang Mulia Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit
Pengerusi Hakim
- : Penyampaian Hadiah dan Cenderamata
- : Bacaan Doa Selamat
Yang Mulia Awang Abdul Mujib bin Awang Sh'minan
- : Majlis bersurai

Latar Belakang

1. LATAR BELAKANG

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan ini adalah salah satu projek tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dikelolakan oleh pihak Jabatan Belia dan Sukan. Ianya telah mula dilaksanakan sejak dari tahun 1980-an lagi dan telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Di samping itu, ianya juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di Negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau "tarannum".

2. TUJUAN

Tujuan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan ialah:

- 2.1 Bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1996 Masehi pada 1 Jamadilakhir, 1417 bersamaan 13 Oktober 1996. Di antara lain titah Baginda:-

"Hasrat kita yang tunggal ialah melihat generasi Al-Quran itu dikongsi sama oleh semua pihak dan golongan, terutama golongan belia. Kita akan merasa bangga dengan lahirnya belia-belia yang berwatak salih. Bahawa salah satu tanda kesalihan itu ialah terlibatnya mereka dengan Al-Quran sama ada keterlibatan itu selaku pembaca biasa, mahupun sekaligus menjadi penghayat dan pengamal ajaran-ajarannya."

- 2.2 Untuk menyediakan wadah bagi melahirkan qari dan qariah belia yang berpotensi tinggi sebagai pelapis qari dan qariah Negara Brunei Darussalam.
- 2.3 Untuk mempertingkatkan mutu pembacaan Al-Quran di kalangan belia di Negara Brunei Darussalam.
- 2.4 Untuk memupuk dan menyemai rasa persahabatan di kalangan peserta belia melalui program keugamaan.
- 2.5 Untuk persediaan bagi pemilihan wakil Negara ke Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 3.1 Musabaqah ini terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap yang memegang kad pintar warna ungu serta tidak memegang pasport negara-negara asing.
- 3.2 Peserta-peserta hendaklah berumur di antara 15-30 tahun yang lahir di antara 1 Januari 1995 hingga 31 Disember 2010.
- 3.3 Tidak pernah menjadi JOHAN pertandingan-pertandingan berikut:
 - I. Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia; atau.
 - II. Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

4. FORMAT PERTANDINGAN

4.1 Pertandingan ini mengandungi tiga peringkat iaitu:

4.1.1 PERINGKAT SARINGAN;

4.1.1.1 Peserta-peserta di peringkat ini bebas untuk memilih mana-mana maqra yang telah disediakan oleh pihak penganjur.

4.1.1.2 Peserta dikehendaki membawakan satu (1) lagu wajib yang akan ditentukan melalui undian. [Bermula tahun 2025]

4.1.1.3 Jumlah kuota peserta untuk memasuki peringkat Separuh Akhir ialah seramai 30 orang sahaja iaitu 22 orang dari Peringkat Saringan dan 8 orang dari Peserta Peringkat Akhir Tahun 2024. Walau bagaimanapun, jumlah kuota Peringkat Separuh Akhir akan ditetapkan dengan persetujuan bersama Jawatankuasa Jemaah Hakim dan urus setia. [Bermula tahun 2025]

4.1.2 PERINGKAT SEPARUH AKHIR KEBANGSAAN;

4.1.2.1 Seramai 30 orang peserta sahaja iaitu 22 orang dari Peringkat Saringan dan 8 orang dari Peserta Peringkat Akhir Tahun 2024. [Bermula Tahun 2025]

4.1.2.2 Keramaian peserta di peringkat separuh akhir akan dimesyuaratkan oleh Jawatankuasa Jemaah Hakim dan pihak urus setia.

4.1.2.3 Tarikh, tempat dan masa pertandingan akan dimaklumkan kepada peserta-peserta secara lisan dan bertulis.

4.1.2.4 Peserta dikehendaki membawakan satu (1) lagu wajib dan dikehendaki meletak pada lagu kedua dalam bacaan. Lagu wajib akan ditentukan melalui undian. [Bermula Tahun 2022, Satu [1] Lagu Wajib diadakan semasa Peringkat Separuh Akhir dan pada Tahun 2025, lagu Wajib hendaklah diletakkan pada lagu kedua dalam bacaan.]

4.1.2.5 Undian giliran membaca, maqra dan lagu wajib akan ditentukan sebelum hari pertandingan dijalankan.

4.1.2.6 Empat peserta teratas dari bahagian qari dan qariah di peringkat ini adalah layak untuk bertanding di peringkat Akhir Kebangsaan. Manakala Johan Qari dan Qariah tahun 2024M juga akan dijemput ke Peringkat Akhir Kebangsaan 2025M (jika masih memenuhi syarat-syarat penyertaan)

4.1.3 PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN;

4.1.3.1 Seramai sepuluh orang peserta iaitu lima [5] qari dan lima [5] qariah bertanding di peringkat ini termasuk Johan Menunggu Qari dan Qariah tahun 2024M (jika masih memenuhi syarat-syarat penyertaan).

4.1.3.2 Tarikh, tempat dan masa pertandingan akan dimaklumkan kepada peserta-peserta secara lisan dan bertulis.

4.1.3.3 Maqra-maqra akan disediakan oleh pihak penganjur.

4.1.3.4 Peserta dikehendaki membawakan dua (2) lagu wajib yang akan ditentukan melalui undian. [Bermula Tahun 2022]

4.1.3.5 Maqra, lagu wajib dan giliran membaca para peserta akan ditentukan melalui undian yang akan dijalankan sebelum hari pertandingan.

5. TEMPOH BACAAN DAN ISYARAT LAMPU

- 5.1 Tempoh membaca ialah 10 minit. Adapun perkiraan tempoh masa membaca bermula apabila peserta mula membaca ta’awwuz.**
- 5.2 Peserta boleh memulakan bacaan setelah lampu hijau dinyalakan dan jemaah hakim akan mula menilai bacaan peserta.**
- 5.3 Ketika bacaan masuk minit kelapan, lampu kuning dinyalakan dan lampu hijau dipadamkan, menandakan masa untuk membaca masih ada 2 minit, dan peserta dikehendaki bersedia untuk mengakhiri bacaan.**
- 5.4 Apabila masa genap 10 minit, lampu merah dinyalakan dan lampu kuning dipadamkan, menandakan masa membaca telah tamat.**

6. FORMAT PENGHAKIMAN

6.1 PERINGKAT SARINGAN

Jawatankuasa Jemaah Hakim akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada enam orang iaitu;

- 1) Pengerusi Jemaah Hakim**
- 2) Penolong Pengerusi Jemaah Hakim/Hakim Ganti**
- 3) Hakim Tajwid**
- 4) Hakim Fasahah**
- 5) Hakim Suara**
- 6) Hakim Lagu**

6.2 PERINGKAT SEPARUH AKHIR

Jawatankuasa Jemaah Hakim akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada sebelas orang iaitu;

- 1) Pengerusi Jemaah Hakim**
- 2) Penolong Pengerusi Jemaah Hakim**
- 3) Hakim Tajwid**
- 4) Hakim Tajwid**
- 5) Hakim Fasahah**
- 6) Hakim Fasahah**
- 7) Hakim Suara**
- 8) Hakim Suara**
- 9) Hakim Lagu**
- 10) Hakim Lagu**
- 11) Hakim Ganti**

6.3 PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN

- 6.3.1. Jawatankuasa Jemaah Hakim akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada sebelas orang iaitu:
- 1) Pengerusi Jemaah Hakim
 - 2) Penolong Pengerusi Jemaah Hakim
 - 3) Hakim Tajwid
 - 4) Hakim Tajwid
 - 5) Hakim Fasahah
 - 6) Hakim Fasahah
 - 7) Hakim Suara
 - 8) Hakim Suara
 - 9) Hakim Lagu
 - 10) Hakim Lagu
 - 11) Hakim Ganti

6.4 JAWATANKUASA LAGU WAJIB

- 6.4.1. Jawatankuasa Lagu Wajib akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada 4 orang iaitu:
- 1) Pengerusi
 - 2) Timbalan Pengerusi
 - 3) Ahli
 - 4) Ahli

7. FORMAT PENGHAKIMAN

- 7.1 Kehadiran Semasa Sesi Takilmat Daripada Urus Setia, Sesi Undian Dan Bengkel Intensif Kemahiran Ilmu Al-Quran (K.I.A).
- 7.1.1. Peserta yang gagal hadir tanpa memaklumkan secara bertulis kepada Urus Setia dan tanpa alasan yang munasabah adalah dikira menarik diri.
- 7.1.2. Seramai 10 orang peserta dari Peringkat Akhir Tahun 2024M digalakkan untuk mengikuti Bengkel Intensif Kemahiran Ilmu Al-Quran (K.I.A).



Musabaqah Tilawatil
Quran Belia Kebangsaan 2025
Peringkat
Peringkat Sarangan dan
Sepuh Akhir



QARI



Awangku Muhd Ammarrul Amsyar
bin Pengiran Haji Marjuki



Mohammad Hamiz Mirza
bin Haji Sudirman



Abdul Qawiyeyel Azeez
bin Haji Abd Rajid



Muhammad Nur Asymawi
bin Awang Asli



Zainal Mustapa bin Jaluddin

QARIAH



Najla' Sabreena binti Haji Abd. Rajid




Dayangku Nurul Sakinah Adawiyah
binti Pengiran Ainolazhar



Nur Amal Atiqah @Aida
binti Haji Sudirman



Nur Rodaah binti Haji Asmat



Dayangku Akma Nabilah
binti Pengiran Haji Jofri

Tarikh Lahir	:	25 September 1995
Pendidikan	:	Pearson BTEC Level 5, Higher National Diploma In Computing
Nama Bapa	:	Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh
Nama Ibu	:	Pengiran Hajah Radiah binti Pengiran Haji Mohd Tahir

Tempat Berguru

Yang Mulia Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh (bapa)
 Yang Mulia Ustaz Faisol bin Haji Ahmad Al-Fathoni
 Yang Mulia Ustaz Haji Ismail bin Haji Sulaiman
 Yang Mulia Ustaz Haji Awg Zulhafiz bin Awg Tengah
 Yang Mulia Ustaz Dr Anuar bin Hasin
 Yang Mulia Ustaz Pengiran Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki
 Yang Mulia Imam Haji Md Daud bin Haji Abdul Kadir
 Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Muhd Yusof bin Bakar
 Yang Mulia Ustaz Haji Mohd Noor bin Haji Ibrahim
 Yang Mulia Ustaz Aslinan bin Haji Metussin
 Yang Mulia Ustaz Che Yahya bin Daud
 Yang Mulia Ustaz Minfadhlillah bin Abdul Hamid
 Yang Mulia Ustaz Dasrizal M Nainin
 Yang Mulia Al Fadilatusyeikh Duktoor Abdul Fattah Al Tarouti
 Yang Mulia Al Fadilatusyeikh Abdul Rasyid Ali Sufi
 Yang Mulia Ustazah Hjh Aminah binti Haji Abdul Manaf
 Yang Mulia Ustazah Hjh Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit
 Yang Mulia Ustazah Siti Huzzaimah Yadey ninti Haji Rosli

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2023/	- Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan.
2024	-
2023	- Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia & Beliawanis Senegara Anjuran Masjid Kampung Pandan, Kuala Belait.
2022	- Tempat Ketiga Musabaqah Zainul Quran.
2019	- Tempat Ketiga Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan.
2018	- Tempat Ketiga Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan.
2016	- Naib Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia & Beliawanis Senegara Anjuran Masjid Jame' Asr Hassanal Bolkiah.
2015	- Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia & Beliawanis Senegara Anjuran Masjid Jame' Asr Hassanal Bolkiah.

Abdul Qawiyeyel Azeez bin Haji Abd Rajid
(Johan Menunggu)



Tarikh Lahir	:	30 Januari 1999
Pendidikan	:	Sarjana Muda Perguruan Ugama Seri Begawan (Pendidikan Islam Dengan Minor Dakwah)
Nama Bapa	:	Pengiran Haji Marjuki bin Pengiran Haji Abdul Rahman
Nama Ibu	:	Hajah Asmawati binti Haji Jafar

Tempat Berguru

Yang Mulia Dato Paduka Haji Yusof bin Bakar
 Yang Mulia Ustaz Haji Ismail bin Haji Sulaiman
 Yang Mulia Pengiran Muhd Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki
 Yang Mulia Pengiran Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki
 Yang Mulia Dayangku Siti Ummi Sayazana binti Pengiran Haji Marjuki
 Yang Mulia Ustaz Haji Mohamed Noor bin Haji Ibrahim
 Yang Mulia Ustazah Huzaimah Yadey binti Haji Rusli

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2024	- Johan Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Universiti. Tempat keempat Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan.
2023	- Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Universiti.
2014	- Keempat Musabaqah Tilawatil Quran Sekolah-Sekolah Menengah.
2015	- Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Sekolah-Sekolah Menengah.

**Awangku Muhd Ammarrul Amsyar
bin Pengiran Haji Marjuki**



Tarikh Lahir	:	28 Mei 1996
Pendidikan	:	Sarjana Muda Pendidikan Islam (Minor Pengajian al-Quran dan as-Sunnah) Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Nama Bapa	:	Asli bin Haji Hamdan
Nama Ibu	:	Hamdiah binti Abang Sahari

Tempat Berguru

Yang Mulia Ustazah Hajah Maidah binti Haji Manaf

Yang Mulia Ustazah Hajah Halimah binti Haji Manaf

Yang Mulia Ustazah Hajah Zainun binti Haji Daud

Yang Mulia Ustaz Haji Awang Zulhafiz bin Awang Tengah

Yang Mulia Ustazah Huzaimah Yadiy

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2024	- Tempat Ketiga Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan.
2020 - 2024	Separuh Akhir MTQ Peringkat Dewasa Kebangsaan.
2017	- Menyertai Musabaqah Tilawatul Quran ASEAN. Anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (2017).
2019	- Tempat Ketiga Musabaqah membaca Al-Quran. Institut Pengajian Tinggi Sempena Haflu Takharuj UNISSA (2019).

**Muhammad Nur Asymawi
bin Awang Asli**



Tarikh Lahir	:	1 Julai 2003
Pendidikan	:	Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Nama Bapa	:	Awang Haji Sudirman bin Haji Metusin
Nama Ibu	:	Dayang Norlelawati binti Haji Md Ali

Tempat Berguru

Yang Mulia Haji Sudirman bin Haji Metusin

Yang Mulia Almarhumah Ustazah Hajah Jamilah

Yang Mulia Ustaz Hj Mohd Nor

Yang Mulia Ustaz Hj Azulanita

Yang Mulia Ustaz Mohd Wafi

Yang Mulia Ustaz Ahmad Zulwaqar

Yang Mulia Ustazah Huzaimah

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2025	<ul style="list-style-type: none"> - Persembahan Membaca Al-Quran Sempena Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi' (PAnMAS). Rakaman 30 Juzu' Tadarus Al-Quran Sempena Bulan Ramadhan, RTB. Johan Musabaqah Tilawatil Al-Quran Chancellor Trophy (IPT).
2024	<ul style="list-style-type: none"> - Top 6TH International Quran Recitation Competition University Syiah Koala, Aceh, Indonesia.
2023	<ul style="list-style-type: none"> - Naib Johan Musabaqah Membaca Al-Quran Anjuran Masjid Ash-Shaliheen.
2022	<ul style="list-style-type: none"> - Naib Johan Musabaqah Zainul Al-Quran Anjuran Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha. Persembahan Membaca Al-Quran Anjuran Masjid Ash-Shaliheen. Johan Musabaqah Membaca Al-Quran Anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
2021	<ul style="list-style-type: none"> - Mengikuti Musabaqah Tilawah Al-Quran Dewasa Kebangsaan. Persembahan Membaca Al-Quran Sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah Kementerian Pendidikan.
2020 - kini	<ul style="list-style-type: none"> - Mengikuti Musabaqah Tilawah Al-Quran Dewasa Kebangsaan. Mengikuti Musabaqah Tilawah Al-Quran Dewasa Kebangsaan.
2019 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> - Persembahan Membaca Al-Quran Sempena Sambutan Israk Mikrac Kementerian Pendidikan.

**Mohammad Hamiz Mirza
bin Haji Sudirman**



Tarikh Lahir	:	4 Februari 2004
Pendidikan	:	Graduan Diploma Aliyah Qiraat ITQSHHB
Nama Bapa	:	Awang Jaluddin bin Haji Hujan
Nama Ibu	:	Dayang Yati Kusmiati binti Nuruddin

Tempat Berguru

Yang Mulia Almarhumah Ustazah Hajah Jamilah binti Haji Abdul Manaf

Yang Mulia Ustazah Hajah Maidah binti Abd Rahman

Yang Mulia Drs Ustaz Haji Mustaqim bin Sariyun

Yang Mulia Ustaz Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili

Yang Mulia Ustazah Hajah Siti Huzaimeh Yadiy binti Haji Rosli

Yang Mulia Ustaz Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili

Yang Mulia Ustaz Muhammad Noor bin Haji Ibrahim

Yang Mulia Ustaz Che Yahya bin Daud

Yang Mulia Ustazah Hajah Aminah binti Haji Abd Manaf

Yang Mulia Cikgu Haji Muhd Shahrani @ Haji Syahmi Aminuddin bin Haji Ismail

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2025	- Peserta Bengkel Taranum Al-Quran Anjuran KHEU.
2023	- Tempat Ketiga Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan. Peserta Kursus Taranum Al-Quraan Peringkat Pra-Lanjutan Anjuran MABIMS.
2018	- Johan Musabaqah Tilawatil Quran ITQSHHB Menengah Bawah.
2017	- Johan Pertandingan Taranun Al-Quraan Antara Kelas Pelajar Tahun 1 (STAR). Johan Musabaqah Tilawatil Quraan Peringkat Sekolah-Sekolah Arab dan Ugama.
2016	- Sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah.

Zainal Mustapa bin Jaluddin



Tarikh Lahir	:	26 April 2004
Pendidikan	:	Sarjana Muda Tahun 1 Jurusan Usuluddin Universiti Al Azhar
Nama Bapa	:	Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh
Nama Ibu	:	Pengiran Hajah Radiah binti Pengiran Haji Mohd Tahir

Tempat Berguru

Yang Mulia Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh

Yang Mulia Ustazah Hjh Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit (2020 hingga sekarang)

Yang Mulia Ustazah Hjh Maidah binti Hj Abd Rahman (2017 & 2019)

Yang Mulia Ustaz Hj Ibrahim bin Hj Sahat (2017-2018)

Yang Mulia Ustaz Hj Azulanita bin Hj Tarip (2020)

Yang Mulia Ustaz Haji Hazwan bin Haji Salim (2019-2020)

Skim Tilawah Alquran Remaja (2017-2020)

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2025	- Naib Johan Musabaqah Hifzil Quran Lil Wafidin Bahagian Tarannum di Republik Arab Mesir.
2024	<ul style="list-style-type: none"> - Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan. Tempat Ketiga Musabaqah Membaca Al Quran Bahagian Dewasa Kebangsaan. Finalis Musabaqah Membaca Al Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan. - Peserta Bengkel Tarannum Al Quran Sempena Musabaqah Membaca Al Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan.
2023	<ul style="list-style-type: none"> - Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan. - Peserta Kursus Tarannum Al Quran Peringkat Pra Lanjutan Anjuran PPPQ MABIMS Kementerian Hal Ehwal Ugama Kerjasama, Jabatan Pengajian Islam.
2022	- Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan.
2021	- Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan.
2020	<ul style="list-style-type: none"> - Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan. Mengikuti Bengkel Asas Tarannum Al-Quran Bagi Pelajar-Pelajar Pilihan Dari Skim Tilawah Al-Quran Remaja. Johan Musabaqah Menghafaz Ayat Suci Al-Quran Beserta Pemahaman Peringkat Kebangsaan (Kategori B). Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah Dan Maktab Senegara.

**Dayang Najla Sabreena binti Haji Abd Rajid
(Johan Menunggu)**



Tarikh Lahir	:	30 Oktober 2003
Pendidikan	:	Sarjana Muda Bahasa Arab dan Terjemahan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Nama Bapa	:	Pengiran Ainolazahar bin Pengiran Besar
Nama Ibu	:	Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli

Tempat Berguru

Yang Mulia Ustazah Siti Huzzaimah Yadey binti Hasji Rosli (2009 hingga sekarang)

Yang Mulia Ustaz Dato Haji Mohd Yussof bin Bakar (2020)

Yang Mulia Ustazah Hajah Aminah binti Haji Abdul Manaf (2019-2020)

Yang Mulia Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili (2019-2020)

Yang Mulia Haji Hazwan bin Haji salim (2019-2020)

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2025	- Menjadi tenaga pengajar Skim Tilawah Alquran Remaja bagi daerah Temburong
2024	- Menyertai 1st International Qur'an Recitation Award Universitas Syiah Kuala Tempat Ke-tiga Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir.
2023	- Menyertai Kursus Tarannum Al-Quran Peringkat Pra Lanjutan.
2022	<ul style="list-style-type: none"> - Sagu Hati Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan. - Tempat ke-Dua Peraduan Membaca Alquran Tarannum (kategori alif) Pelajar – Pelajar Sekolah Arab & Institusi Tahfiz Alquran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
2020	- Tempat Ke-tiga Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir.
2019	- Pingat Emas. Mewakili Brunei Pada Majlis Tadarus Al-Quran anjuran kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat kebangsaan kali Ke-45 Jemputan Antarabangsa di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Pauh Putra Perlis.
2018	<ul style="list-style-type: none"> - Tempat Ke-empat. Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir. - Naib Johan. Pertandingan Zainul Qiran Peringkat Akhir, Anjuran RTB. - Terpilih Mengikuti Skim Lanjutan di Skim Tilawah Al-Quran Remaja
2017	- Naib Johan. Pertandingan Membaca Al-Quran Anjuran Guru-Guru Tahun 2 (2017) Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR).
2017 & 2016	- Mengikuti Kelas Skim Tilawah Al-Quran Remaja Tahun satu dan Dua.

**Dayangku Nurul Sakinah Adawiyah
binti Pengiran Ainolazahar**



Tarikh Lahir	:	25 Oktober 1996
Pendidikan	:	Sarjana Muda Syariah Islamiyyah University Al-Azhar, Mesir Diploma Perguruan Ugam Lepasan Ijazah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Nama Bapa	:	Haji Asmat bin Haji Tuah
Nama Ibu	:	Hajah Mas binti Haji Abdul Razak

Tempat Berguru

Yang Mulia Haji Asmat bin Haji Tuah (2003- sekarang)

Yang Mulia Amal Nazirah binti Haji Asmat (2003 – sekarang)

Yang Mulia Ustazah Hjh Siti Khuzaimah Yadie binti Haji Rosli (2022 – sekarang)

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2025	- Finalis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan, Tahun 1446H/2025M.
2024	- Finalis Musabaqah Tilawatil Qur'an Bahagian Belia Peringkat Akhir Kebangsaan, Tahun 1445H/2024H.
2023	- Naib Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Bagi Belia Dan Beliawanis Masjid Senegara. Kali Pertama Tahun 1444H / 2023M Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara. Brunei Darussalam Ke-39 Tahun 2023, Masjid RPN Kampong Pandan Kuala Belait.
2015	- Johan Musabaqah Tilawatil Quran Bahagian Dewasa Peringkat Zon dan Daerah Tahun 1436H / 2015M, Masjid Kampong Pangkalan Batu.
2014	- Naib Johan Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Akhir Bagi Pelajar-Pelajar Sekolah Arab Anjuran Jabatan Pengajian Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama.
2013	<ul style="list-style-type: none"> - Johan Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Saringan Bagi Pelajar-Pelajar Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) Kali Pertama, Anjuran Jabatan Pengajian Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama. - Johan Pandu Puteri Ranjer Musabaqah Tilawatil Quran Senegara Peringkat Akhir Anjuran Persatuan Pandu Puteri.
2010	- Johan Qariah Bagi Kategori 'A' Peraduan Membaca Al-Qur'an Peringkat Akhir Bagi Pelajar-Pelajar Persekolahan Agama Peringkat Akhir Negara Ke-47 Anjuran Jabatan Pengajian Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama.
2009	- Mewakili Negara Brunei Darussalam Ke Kuala Lumpur Malaysia Bagi Persembahan Tarannum Al-Quran Anjuran MABIMS.
2008	- Johan Pertandingan Membaca Al-Quran Negara Persekoalahn Ugama Kategori 'B' Peringkat Akhir Negara Brunei Darussalam Tahun 1429H.

Nur Rodaah binti Haji Asmat



Tarikh Lahir : 04 Mac 2006
Pendidikan : Cosmopolitan College of Commerce & Technology
Nama Bapa : Pengiran Haji Jofri bin Pengiran Adi
Nama Ibu : Dayang Hajah Aminah binti Haji Abd Manaf

Tempat Berguru

Ibu bapa Sendiri

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2020	- Johan Qariah Kategori Alif Peringkat Sekolah-Sekolah Ugama Senegara.
2019	- Naib Johan Sekolah-Sekolah Menengah & Maktab Senegara.

**Dayangku Akma Nabilah
binti Pengiran Haji Jofri**



Tarikh Lahir	:	7 November 2000
Pendidikan	:	Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Nama Bapa	:	Awang Haji Sudirman bin Haji Metusin
Nama Ibu	:	Dayang Norlelawati binti Haji Md Ali

Tempat Berguru

Yang Mulia Haji Sudirman bin Haji Metusin

Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR)

Yang Mulia Ustazah Hajah Rahimah binti Abas

Yang Mulia Ustaz Haji Zulhafiz bin Awg Tengah

Yang Mulia Ustazah Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Awg Haji Damit

Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

Tahun	Pengalaman
2024	- Tempat Ketiga Bagi Pertandingan Tausyeh Anjuran Masjid Jame' Asr Hassanal Bolkiah. Finalis Bagi Musabaqah Tilawatil Quran Dewasa Kebangsaan.
2023	- Johan Qariah Bagi Pertandingan Musabaqah Tilawatil Quran I-Fest anjuran Universiti Putra Malaysia,Bintulu Sarawak. Johan Kategori Dewasa pertandingan Selawat The Voice 2023 anjuran KKBT. Johan Qariah Bagi Pertandingan Tilawatil Quran bagi Belia dan Beliananis Masjid. Senegara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-39.
2022	- Telah menyertai Peraduan Kuiz Hijrah 1444 Bagi Belia Masjid Senegara Anjuran Masjid Sungai Kelugos Tutong. Johan Qariah Bagi Pertandingan Musabaqah Tilawatil Quran Sempena Piala Chancellor. Naib Johan Qariah Bagi Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan.
2021	- Separuh Akhir Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa. Tempat Ketiga Qariah Pertandingan Zainul Quran anjuran Masjid RIPAHS.
2020	- Separuh Akhir Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa. Johan Qariah Pertandingan Zainul Quran anjuran Masjid RIPAHS. Tempat Ketiga bagi Peraduan Membaca Al-Quran Bagi Sekolah-sekolah Arab. Menyertai Pertandingan Nasyid Klasik Anjuran SMALHB.
2019	- Johan Qariah Bagi Pertandingan Zainul Quran anjuran RTB. Finalis Bagi Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan. Separuh Akhir Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa.

**Nur Amal Atiqah @Aida
binti Haji Sudirman**



Jawatankuasa Jemaah Hakim

BIL	NAMA	LANTIKAN
1.	Yang Mulia Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit	Pengerusi
2.	Yang Mulia Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof	Timbalan Pengerusi
3.	Yang Mulia Awang Haji Abdul Hafiez bin Haji Noh	Hakim Tajwid I
4.	Yang Mulia Dr. Ahmad Baha bin Mokhtar	Hakim Tajwid II
5.	Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman	Hakim Fasahah I
6.	Yang Mulia Awang Haji Muhammad Aliman bin Haji Salim	Hakim Fasahah II
7.	Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd Yusop bin Bakar	Hakim Lagu I
8.	Yang Mulia Ustaz Haji Mohd Zainul Arifin Ridwan Lubis	Hakim Lagu II
9.	Yang Mulia Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit	Hakim Suara I
10.	Yang Mulia Awang Mohd Noor bin Haji Ibrahim	Hakim Suara II
11.	Yang Mulia Drs Haji Mustakim bin Sariyun	Hakim Ganti

Senarai Maqra

BIL	SURAH	BERMULA AYAT
1	Al-Baqarah	172
2	Al-Baqarah	264
3	Aali 'Imraan	100
4	Aali 'Imraan	130
5	An-Nisaa	29
6	An-Nisaa	144
7	Al-Maaidah	35
8	Al-Maaidah	87
9	Al-An'aam	48
10	Al-A'raaf	179
11	At-Taubah	119
12	Hud	110
13	Ar-Ra'd	6
14	Ibrahim	1
15	An-Nahl	10
16	Al-Israa	41
17	Al-Kahfi	1
18	Taha	80
19	Al-Anbiyaa'	37
20	Saba'	1
21	Al-Ahqaf	13
22	Al-Fath	7

Johan Qari & Qariah

TAHUN	QARI	QARIAH
1995	Yang Mulia Awang Haji Rosli bin Haji Batang	Yang Mulia Dayang Norhalifah binti Haji Sulaiman
1997	Yang Mulia Awang Haji Aslenan bin Haji Metussin	Yang Mulia Dayang Amalina binti Khamis
1998		Yang Mulia Dayang Saripah binti Haji Takong
1999	Yang Mulia Awang Muhammad Hasrin bin Haji Khamis	Yang Mulia Dayang Hajjah Nor Zirwatul Fadillah binti Haji Khamis
2000	Yang Mulia Awang Haji Mahrof bin Haji Chuchu	Yang Mulia Dayang Nurul Akmalina binti Haji Yahya
2001		
2002		
2003	Yang Mulia Awang Zulhimi bin Haji Abidin	Yang Mulia Dayang Norezah binti Haji Md Deli
2004	Yang Mulia Awang Muhammad Fikri bin Haji Awang Metussin	
2005	Yang Mulia, Awangku Md. Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki	Yang Mulia Dayang Nurfaezah binti Haji Emran
2006	Yang Mulia Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya	Yang Mulia Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat
2007		Yang Mulia Dayang Hajah Siti Khadijah binti Haji Ibrahim
2008	Yang Mulia Awangku Md Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki	Yang Mulia Dayang Maizatun Nadzeerah binti Haji Md Daud
2009		Yang Mulia Dayang Nor Azriah binti Haji Abdul Aziz
2010	Yang Mulia Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya	Yang Mulia Dayang Maizatun Nadzeerah binti Haji Md Daud
2011		Yang Mulia, Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri

TAHUN	QARI	QARIAH
2012	Yang Mulia Awang Hazwan bin Haji Salim	Yang Mulia
2013	Yang Mulia, Awang Muhammad Sa'du bin Suhaili	Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2014	Yang Mulia Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri	Yang Mulia Dayangku Amal Zaharah binti Pengiran Haji Jofri
2015		Yang Mulia Dayang Fatin Nurhanani binti Haji Mohdar
2016	Yang Mulia Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili	Yang Mulia Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki
2017	Yang Mulia Awang Ahmad Zulwaqar bin Suhaili	Yang Mulia Dayangku Amal Zaharah binti Pengiran Haji Jofri
2018	Yang Mulia Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili	Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2019	Yang Mulia Awang Abdull Muin bin Haji Abd Hamid	Yang Mulia Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki
2020	Yang Mulia Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri	Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2021	Yang Mulia Awang Afiq Haririe bin Haji Awang Mat Daud	Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2022	Yang Mulia Awang Haji Hazwan bin Haji Salim	Yang Mulia Dayang Najla Sabreena binti Haji Abd Rajid
2023	Yang Mulia Awang Abdul Qawiyel Azeez bin Haji Abd Rajid	Yang Mulia Dayangku Alya Syahirah binti Pengiran Haji Jofri
2024	Yang Mulia Awang Abdul Qawiyel Azeez bin Haji Abd Rajid	Yang Mulia Dayang Najla Sabreena binti Haji Abd Rajid



Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2024

Ristaan





Piala Pusingan

Bagi Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam



Johan Qari dan Qariah

Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1446H/2025M

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan dan kerjasama, buah fikiran dan material bagi menjayakan majlis ini terutama sekali kepada:

Tetamu Kehormat Majlis

Yang Berhormat

Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Negara Brunei Darussalam

Para Tetamu Khas dan Jemputan-Jemputan

Ibu bapa / Penjaga Peserta Qari dan Qariah

Radio Televisyen Brunei

Jabatan Penerangan

JABATAN PERDANA MENTERI

Pusat Dakwah Islamiah

Jabatan Hal Ehwal Masjid

Bahagian Kemajuan Syiar Islam

Jabatan Pengajian Islam

Bahagian Kemajuan Syair Islam

Bahagian Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan [KUPUSB]

Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA BRUNEI

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi [JASTRE]

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Penaja-penaja:

Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya,

Insurans Islam TAIB Holdings Sdn Bhd dan

Darussalam Holdings Sdn Bhd

**Dan kepada sesiapa jua yang terlibat dalam sama-sama menjayakan
Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1446H/2025M [Peringkat Akhir]**



بلياكيرت ماس دفن كيت

Our Youth Our Future